



UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

BAGI

MAJLIS MENANDATANGANI:

- 1. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI), KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN SABAH (MAFS) DAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM);**
- 2. *MEMORANDUM OF UNDERSTANDING EXCHANGE BETWEEN AGROBANK AND SEDCO ON SABAH AGRO-INDUSTRIAL PRESINT; DAN***
- 3. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) DAN KARKUN SDN. BHD. BERKAITAN KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PRODUK BERASASKAN TOMATO.**

7 APRIL 2022

**GRAND BALLROOM,
HOTEL LE MERIDIEN KOTA KINABALU SABAH**

Salutation

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gopari Kitingan
Timbalan Ketua Menteri II Sabah merangkap Menteri Pertanian
dan Perikanan Sabah
2. Yang Berhormat Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Bin Haji Salleh
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II
3. Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
4. Yang Berbahagia Datuk Dr. Mariana Tinggal
Setiausaha Tetap
Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah
5. Yang Berbahagia Ketua-ketua Pengarah, Jabatan dan Ketua
Pegawai Eksekutif Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri
Sabah
6. Pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
dan Agensi
7. Rakan-rakan media
8. Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin yang dihormati
sekalian

Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, tidak terlalu lewat untuk saya mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada semua umat Islam di mana hari ini merupakan hari ke-5 Ramadan.
2. Saya bagi pihak MAFI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gopari Kitingan di atas kesudian untuk melapangkan masa hadir ke Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MAFI dan MAFS pada petang ini.
3. Pada petang ini, kita akan menyaksikan sebanyak tiga (3) Memorandum Persefahaman akan ditandatangani iaitu:
 - i. Pertama, **Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) mengenai pembangunan industri nanas di Negeri Sabah;**
 - ii. Kedua, ***Memorandum of Understanding Exchange between Agrobank and SEDCO on Sabah Agro-Industrial Presint;*** dan
 - iii. Ketiga, **Memorandum persefahaman di antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Karkun Sdn. Bhd. berkaitan kerjasama dalam pembangunan usahawan produk berasaskan tomato.**
4. Ketiga-tiga memorandum yang akan ditandatangani pada petang ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk **menjadikan sektor agromakanan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.**
5. Kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta dalam sektor agromakanan dapat menjadi **pemangkin kepada pencapaian dan selari dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) dan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021 – 2025.**

YB Datuk Seri, Datuk, Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

6. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkongsi aspirasi bersama dan komited untuk terus bekerjasama **untuk memodenkan sektor agromakanan, memperkasakan infrastruktur pertanian, tingkatan penggunaan teknologi bagi mengurangkan kebergantungan kepada import, meningkatkan produktiviti serta mengurus sektor agromakanan dengan lebih efisien** bagi meningkatkan hasil pengeluaran sekali gus memastikan jaminan bekalan dan sekuriti makanan negara.
7. Kerjasama erat antara MAFI dan MAF Sabah adalah penting dalam melaksanakan **inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan baik bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan industri makanan yang mampan dan berdaya saing.**
8. Hari ini, kita juga telah memuktamadkan Terma Rujukan Jawatankuasa Pemandu MAFI-MAF Sabah untuk Pembangunan Sektor Agromakanan Negeri Sabah. Jawatankuasa ini antara lain akan **membincangkan kerjasama dan isu-isu strategik pembangunan sektor agromakanan Negeri Sabah serta menyokong polisi dan halatuju pembangunan sektor agromakanan Negeri Sabah.**
9. Untuk rekod, **Kerajaan melalui MAFI telah memperuntukkan lebih RM135 juta tahun ini kepada Negeri Sabah** melalui Jabatan dan Agensi MAFI untuk melaksanakan pelbagai projek, program dan inisiatif merentasi semua subsektor termasuk padi dan beras, perikanan, tanaman dan juga ternakan.
10. Sesungguhnya, MAFI amat komited dalam memastikan jaminan bekalan makanan negara kekal utuh melalui **kerjasama dan sinergi berterusan bersama Kerajaan-Kerajaan negeri.**

YB Datuk Seri, Datuk, Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

11. Saya bagi pihak MAFI juga merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan di atas peluang yang diberikan kepada **MAFI dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) untuk mengadakan kerjasama strategik dalam pembangunan industri nanas di Sabah.**

12. **Kerjasama untuk mengembangkan industri nanas di negeri Sabah akan diteruskan melalui kerjasama strategik antara MAFI, MAF Sabah dan LPNM** adalah seiring dengan hasrat kita bersama untuk meningkatkan sektor pertanian dan bagi membantu petani-petani dan pengusaha-pengusaha di Negeri Sabah.
13. Untuk makluman, eksport Nanas Malaysia menunjukkan trend peningkatan daripada tahun 2016 hingga 2020. **Terdapat peningkatan permintaan dari negara China dan Timur Tengah terhadap nanas Malaysia** terutamanya varieti nanas MD2 dan varieti tempatan seperti N36 dan Josapine. China adalah merupakan destinasi eksport yang berpotensi tinggi dengan permintaan terhadap nanas premium seperti MD2.
14. Pada tahun 2020, keluasan bertanam nanas adalah seluas 17,228 hektar bersamaan 9.5% daripada keseluruhan keluasan tanaman buah-buahan di Malaysia. Kawasan tanaman nanas tertumpu di selatan Semenanjung Malaysia dan **Sabah merupakan negeri ke-3 pengeluar utama nanas dan menyumbang kepada 6.1% keluasan nanas di Malaysia.**
15. Produktiviti tanaman nanas di Sabah dapat ditingkatkan melalui penggunaan kaedah dan teknologi penanaman nanas yang disediakan oleh LPNM dan Sabah berpotensi untuk terus **mengembangkan produktiviti eksport nanas.**
16. Dengan persefahaman yang akan dimeterai pada hari ini, adalah diharapkan agar **industri nanas di negeri Sabah akan terus berkembang dan petani-petani serta rakyat Negeri Sabah akan mendapat manfaat** bukan sahaja dari aspek teknologi penanaman nanas malahan dari segi **peningkatan pendapatan serta peluang pekerjaan didalam setiap komponen rantaian nilai industri nanas.**
17. Bagi tujuan pembangunan industri nanas di Negeri Sabah, projek usahasama antara MAFI, LPNM dan MAF Sabah akan dinamakan sebagai Projek Perintis Pembangunan Industri Nanas Negeri Sabah untuk menggalakkan pembangunan dan pengeluaran nanas di Negeri Sabah menerusi teknologi dan kaedah yang terkini. **Sebanyak RM1 juta diperuntukkan pada tahun 2022 oleh MAFI menerusi LPNM bagi projek tersebut.**

18. Saya turut difahamkan bahawa pada pagi ini telah berlangsung Kursus Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas yang disampaikan oleh Pegawai Pengembangan LPNM. Kursus ini merangkumi beberapa modul asas tanaman nanas seperti Pengenalan Tanaman Nanas, Proses Pemilihan Tapak Penanaman, Penyediaan Tapak sehingga kepada modul Kos Pengeluaran Nanas yang diberikan kepada **30 orang peserta yang berpotensi menceburi industri nanas di Negeri Sabah.**

YB Datuk Seri, Datuk, Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

19. Negeri Sabah mempunyai potensi besar dalam sektor agromakanan dimana negeri Sabah mempunyai **tanah subur yang luas dan sesuai untuk pelbagai jenis tanaman serta mempunyai sumber tenaga manusia.**
20. Selain daripada tanaman nanas, Sabah juga mempunyai kawasan penanaman tomato sekitar 500 ekar di sekitar Kundasang. MAFI telah mendapat maklum balas daripada petani-petani dan pekebun kecil tomato di sana yang sering menghadapi **masalah pembuangan tomato dengan anggaran sebanyak 20% hasil tuaian tomato kerana gred tomato terutamanya Gred B yang tidak memenuhi standard pasaran.**
21. Bagi mengelakkan pembuangan tomato ini berterusan, sumber ini boleh ditukar kepada produk industri asas tani seperti sos atau pes.
22. Dalam hal ini, MAFI melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mempunyai **kepakaran dan boleh memberikan khidmat nasihat teknikal berkaitan pembangunan kilang pemprosesan tomato dan teknologi pemprosesan yang terlibat.** Selain itu, MARDI juga boleh memberikan **khidmat nasihat teknikal pembangunan usahawan melalui penggunaan teknologi MARDI.**
23. Dengan MoU antara MARDI dan syarikat Karkun Sdn. Bhd. yang akan dimeterai hari ini diharap agar lebih banyak syarikat yang berminat boleh **memanfaatkan sumber tomato segar sedia ada dan diproses menjadi produk hiliran dan ini secara tidak langsung dapat menambahkan pendapatan para petani.**

24. Manakala, bagi menggalakkan pembangunan usahawan agro-bisnes yang berkaitan, Agrobank dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) juga akan menandatangani MoU hari ini untuk kerjasama dalam **aktiviti pelaburan dan meningkatkan sinergi antara dua organisasi dalam membangunkan Sabah Agro-industrial Precinct (SAIP).**
25. MAFI berharap agar kerjasama strategik ini akan dapat memberikan impak yang positif bukan sahaja ke atas peningkatan bekalan makanan negara bagi memenuhi **keperluan domestik dan pasaran eksport juga meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani terutamanya golongan B40 dan M40 di negeri Sabah.**
26. Akhir kata, seiring dengan visi untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi, MAFI berharap kerjasama strategik dan MoU yang dimeterai hari ini akan dapat memberi impak yang tinggi dalam **terus memperkukuhkan hubungan dan kerjasama diantara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terutamanya dalam sektor agromakanan.**

Sekian, terima kasih.